



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUM BALAS MEDIA**

**PERMOHONAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI  
GANTIAN CUTI REHAT (GCR)**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merujuk kepada artikel oleh “Penjawat Awam Taat” di Utusan Malaysia pada 26 Oktober 2022 bertajuk “Susahnya Nak Dapat Wang GCR 2022”.

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian PP.1.3.4 - Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) menjelaskan proses kerja permohonan pemberian awal award wang tunai GCR melibatkan tiga (3) pihak iaitu **Kementerian/ Jabatan pegawai yang memohon, JPA dan Kementerian Kewangan Malaysia.**

Segala permohonan akan disemak berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dan dibayar mengikut peruntukan belanjawan. Pegawai yang ingin memohon pemberian awal award wang tunai GCR perlu mengemukakan permohonan melalui Kementerian/ Jabatan untuk kelulusan JPA dan senarai nama pemohon yang berjaya kemudiannya akan dikemukakan kepada Kementerian/ Jabatan pemohon serta Kementerian Kewangan Malaysia.

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

31 Oktober 2022

###

Tel : 03 - 8885 3096 / 3146 / 3088  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (43)